

# Pesaka lakukan pemilihan baru - 7 OCT 1987

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

KEDUDUKAN lima pesilat wanita kebangsaan ke Sukan SEA Jakarta baru-baru ini tergugat apabila Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) membuat keputusan membuat pemilihan baru bagi pesilat-pesilat untuk Kejohanan Silat Sedunia ke-4 di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat khas Pesaka minggu lalu sebagai langkah menyediakan pesilat wanita terbaik untuk menandingi jaguh-jaguh silat daripada 15 negara.

Antara pesilat wanita yang mewakili negara ke Sukan SEA Jakarta itu ialah Zaleha Suradi, Siti Anida Mahadi, Siti Azahariah Husin, Salbiah Salleh dan Khatijah Salleh.

Penolong setiausahaanya, Sulaiman Sarijan, berkata pemilihan semula pesilat wanita perlu dibuat berdasarkan persembahan kurang menyangkut di Jakarta dan beberapa faktor lain.

Katanya, Pesaka akan membuat pemilihan itu berdasarkan kepada pertandingan untuk memilih antara yang lebih baik.

"Ini tidak berarti mereka itu lemah dan gagal dibentuk semula tetapi itu adalah keputusan jawatankuasa," jelasnya.

Dua di antara lima pesilat wanita itu, Siti Anida dan Siti Azahariah gagal mengutip sebarang pingat di Jakarta tetapi tidak berarti mereka itu akan tersingkir dengan sendiri.

Kedua-dua pesilat itu berupaya untuk membaiki kelemahan kalau jurulatih dapat mencorak latihan dengan lebih baik.



Pesaka perlu lebih awal mendapat kebenaran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk kelepasan Siti Anida berlatih sepenuh masa menjelang kejohanan itu. Begitu juga dengan Siti Azahariah perlu mendapat kelepasan daripada Institut Kemahiran Mara (IKM) untuk latihan pusat November ini.

Kedudukan pesilat adik beradik dari Johor, Salbiah dan Khatijah Salleh masih diragui untuk kekal walaupun berjaya mengutip pingat gangsa sebelum ini.

## Tegap

Ini berikutan Pesaka ingin membuat pemilihan berdasarkan ukuran fizikal kerana pencabar yang dihadapi nanti adalah pesilat Eropah yang lebih tegap dan tinggi.

Namun begitu, harapan masih terbuka kalau mereka itu mampu mengekalkan kecemerlangan serta mempunyai psikologi yang tinggi apabila berdepan dengan lawan yang lebih besar.

Bagi Zaleha Suradi yang pernah mengutip pingat gangsa dalam Kejohanan Dunia di Jakarta 1983 dan pingat perak di Sukan SEA lalu boleh mengekalkan kecemerlangannya jika sikap gementar dapat dikikis kerana itulah punca utama kelemahan untuk meraih pingat emas.



■ SITI AZAHARIAH HUSIN (kanan)...gagal kutip sebarang pingat di Jakarta. (Gambar kecil) SALBIAH SALLEH.